

MASALAH DAN PUNCA-PUNCA MASALAH PENGURUSAN
Bilik DARIAH DI KALANGAN GURU-GURU
SEKOLAH MENENGAH DI KAWASAN
SELAYANG, BATU CAVES,
SELANGOR DARUL EHSAN

NURFARAH LO BINTI ABDULLAH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

A B S T R A K

Kajian ini bertujuan meninjau masalah dan punca-punca masalah pengurusan bilik darjah di kalangan guru-guru sekolah menengah di kawasan Selayang, Batu Caves, Selangor Darul Ehsan. Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan satu set soal-selidik yang direka khas bagi mendapatkan data-data yang berkaitan. Seramai 94 orang responden dipilih secara rawak bagi mewakili keseluruhan populasi guru-guru sekolah menengah di kawasan Selayang, Batu Caves. Data-data yang diperolehi diproses dan dianalisis menggunakan program SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*) dengan mengambil kira peratus, frekuensi, min dan korelasi bagi menentukan aspek masalah dan punca masalah yang paling dominan serta mengkaji perhubungan di antara pembolehubah-pembolehubah kajian.

Dapatan kajian menunjukkan aspek masalah yang paling dominan ialah kawalan pelajar manakala punca atau faktor yang paling dominan ialah faktor beban tugas. Semua pembolehubah bersandar mempunyai perkaitan signifikan dengan masalah-masalah pengurusan bilik darjah. Begitu juga dengan punca-punca masalah, kesemuanya mempunyai hubungan yang signifikan dengan masalah-masalah pengurusan bilik darjah.